

## DW 2.2: Memperkukuhkan Imej Pelancongan Warisan dan Budaya Masyarakat Desa sebagai Aktiviti Utama Pelancongan Warisan Desa

### CADANGAN TINDAKAN DAN PROGRAM

#### Justifikasi Cadangan:

- Memperkukuhkan warisan dan budaya masyarakat desa dengan mempromosikan sukan dan permainan tradisional, pakaian tradisional serta seni dan warisan masyarakat desa.
- Menghidupkan semula suasana masyarakat desa yang muafakat dengan menganjurkan pelbagai program, kraftangan dan aktiviti kemasyarakatan.
- Memastikan warisan kesenian dan budaya akan terus diwarisi oleh generasi akan datang dengan mempromosikan sebagai produk utama program *homestay* dan *kampungstay*.

#### Komponen Cadangan:

- Mempromosikan produk-produk desa seperti tanjak, keris, hamdolok, wayang kulit dan sebagainya.
- Menganjurkan program Kebudayaan, Kesenian, Festival Teater dan Ekspresi Muzik bagi memartabatkan warisan sejarah di Johor Utara .
- Meletakkan program Kebudayaan, kesenian, festival teater dan ekspresi muzik di dalam kalendar pelancongan Negeri Johor.

#### Kaedah Pelaksanaan:

- Mengenal pasti warisan dan budaya penduduk desa di wilayah Johor Utara yang berpotensi untuk dipromosikan secara meluas.
- Perlaksanaan program atau pertandingan yang boleh mengasah bakat penduduk desa untuk mengetengahkan warisan dan budaya.

### CADANGAN LOKASI

Cadangan ini melibatkan **83 kampung**.

Daerah	Kampung Dalam Bandar	Kampung Luar Bandar
Muar	4	24
Segamat	3	32
Tangkak	2	18
<b>Jumlah</b>	<b>9</b>	<b>74</b>

### AGENSI PELAKSANA


Pemula	Pelaksana
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Yayasan Warisan Johor</li> <li>• JKKN Johor</li> <li>• MOTAC</li> <li>• <i>Tourism</i> Johor</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• PBT</li> <li>• KPLB</li> </ul>

### ANGGARAN KOS

- Kos Promosi RM 25,000 ribu per kampung sepanjang Fasa 1 (3 tahun) dengan jumlah kos = RM 2,075,000.
- Peruntukan pengajuran festival dan program RM 100,000 setiap tahun bagi setiap daerah (Fasa 1: 3 tahun) dengan jumlah kos = RM 900,000.

**Jumlah Keseluruhan Kos: RM 2,975,000**

### FASA PELAKSANAAN



## Mengiatkan warisan budaya masyarakat sebagai aktiviti pelancongan Desa di Johor Utara

### Warisan Makanan

- Menawarkan pelbagai pakej makanan warisan seperti mee bandung, ikan patin salai tempoyak dan satay.
- Menjalankan pameran dan demontrasi masakan warisan bagi program karnival Tahunan.



Mee Bandung Muar



Mee Siput - Tangkak

### Warisan Kebudayaan Seni & Muzik

- Mengadakan pameran bagi menonjolkan keunikan dalam setiap kesenian budaya di Johor Utara .
- Contoh kesenian yang terlibat seperti seni tarian zapin, seni qasidah dan marhaban.



Tarian Zapin



Gendang

### Warisan Seni Membuat Kraftangan

- Mengadakan pameran dan demonstrasi tentang pembuatan seni halus kraftangan
- Contohnya pembuatan kompang, alatan permainan tradisional muzik yang lain, parang dan capal.



Muar Leather Craft



Capal

### Penanda Aras

Melaka merupakan salah sebuah negeri yang terkenal dengan makanan warisannya seperti asam pedas, cencaluk, belacan, kuih bakar, tapai dll. Makanan ini merupakan makanan tradisi yang terdapat di Melaka yang menjadikan satu keunikan yang luar biasa.



Asam Pedas



Tapai Pulut



Cencaluk



Belacan



Dodol

Sumber: <https://princessaruna.wordpress.com/2017/09/16/makanan-tradisi-melaka/>

## Penemuan Strategik

### Kempling: Satu Kesenian Jawa di Tangkak

Kempling merupakan salah satu kesenian masyarakat Jawa yang telah wujud sejak dahulu lagi dan kini hampir dilupakan oleh masyarakat itu sendiri tanpa ada inisiatif untuk menghidupkannya agar tidak pupus dari ingatan generasi yang ada.

Kesenian kempling ini pada kebiasaannya dipersembahkan di majlis-majlis keramaian seperti majlis berkhatan, perkahwinan, Maulidur Rasul, menyambut kelahiran bayi, potong jambul dan sebagainya.

Permainan kempling ini terdapat di Kg. Parit Kassan Bukit Gambir. Masyarakat Kampung selalunya menjalankan persembahan sekiranya terdapat jemputan dan program festival peringkat Daerah dan Negeri. Permainan ini berpotensi untuk diintegrasikan dengan pakej *Homestay* di *Homestay* Sagil di Kampung Sagil dan Kg Melayu Raya Ledang Tangkak.



Foto: Persembahan Kumpulan Kempling Parit Kassan Tangkak  
Sumber: Facebook Kempling Parit Kassan Ledang Tangkak

### Pembuatan Songkok & Capal di Muar

Capal *Arils*, iaitu capal buatan tangan merupakan Perusahaan *Arils Leatherville Craft* ini bermula sejak dari tahun 2006 dan di asaskan oleh Encik Mohamad Shahril A. Rahman. Bagi pelancong yang datang ke Muar boleh terus ke Kedai berkenaan dan disediakan aktiviti demonstrasi yang diajarkan bagi mereka yang ingin mencuba.

Selain itu, di Butik Songkok Masood Hussin ini juga anda bukan sahaja dapat membeli tetapi dapat melihat sendiri bagaimana proses pembuatan songkok ini. Ia merupakan sebuah perniagaan turun-temurun sejak dari tahun 1945 lagi dan kini ia diusahakan oleh Puan Nur Dalila & Encik Zahedy yang merupakan generasi ketiga kepada perusahaan ini. Antara produk unik yang ditawarkan di sini adalah Songkok Lipat, dimana anda boleh melipat dan menyimpan songkok di dalam sarung, tidak perlu menggunakan kotak.



Foto: Pembuatan Songkok dan Capal di Muar  
Sumber: kakitravel.net